

ABSTRAK

Takwim Hijri merupakan takwim yang diasaskan oleh Saidina Umar al-Khattab R.A yang dibangunkan berdasarkan kenampakan awal hilal, manakala takwim Gregory diasaskan oleh Pope Gregory XIII. Panjang hari dalam kalender Hijri dikira selama 354 hari dan panjang hari dalam kalender Gregory pula dikira sebanyak 365 hari. Kedua-dua kalendar mempunyai perbezaan 11 hari dalam setahun. Oleh kerana terdapat perbezaan 11 hari, maka dalam konteks industri takaful motor pengkaji telah mengandaikan dengan hipotesis peserta akan menyumbang lebihan wang kepada syarikat takaful sekiranya sistem yang digunakan menggunakan kalendar Gregory. Kajian ini bertujuan mengenalpasti kaedah pelaksanaan perlindungan takaful motor di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB). Kedua, menganalisis implikasi pelaksanaan takwim Hijri kepada peserta dan syarikat takaful manakala yang ketiga menganalisis potensi penggunaan takwim Hijri kepada peserta takaful motor. Bagi menepati objektif yang digariskan, pengkaji menggunakan kaedah induktif dan deduktif dalam menganalisis data yang diperolehi. Kajian ini mendapati penggunaan takwim Gregory digunakan sepenuhnya di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB). Kedua, agak sukar untuk melaksanakan kemungkinan penggunaan kalender Hijri buat masa kini berdasarkan masalah-masalah yang ada. Ketiga, hasil utama kajian ini mendapati bahawa penggunaan takwim Hijri adalah sama sumbangan dengan kalender Gregory walaupun diunjurkan selama 10 tahun Gregory.

ABSTRACT

Hijri calendar is a calendar established by Saidina Umar al Khattab R.A which was determined based on young crescent visibility whilst Gregorian Calendar was founded by Pope Gregory XIII. There are 354 days in the Hijri Calendar while the Gregory Calendar has counted 365 days. The Gregorian Calendar has an additional 11 days compared to the Hijri Calendar. Because there are 11 days differences, then in the context of motor takaful industry researcher have assumed a hypothetical analogy that participants would contribute extra money to the takaful company if the Gregorian Calendar used. This study aims to identify the method of executing motor takaful protection in Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB). Secondly, to analyze the implications of the implementation of Hijri Calendar on the participants and the takaful company while the third objective is to analyze the potential of Hijri Calendar usage for takaful participants. To achieve the objectives outlined, the researcher uses inductive and deductive method for data analysis. This study found that Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB) fully utilizes the Gregorian Calendar. The second, it is rather difficult to carry out the possible use of the Hijri calendar for the time being . Third, the results of this study found that the use of the Hijri calendar is similar to the contribution of the Gregorian calendar for 10 years projection.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian kepada Allah ‘Azza Wa Jalla. Tuhan sekelian alam. Selawat dan salam atas junjungan Nabi S.A.W. Penutup sekelian Nabi di alam ini. Mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya keimanan.

Syukur ke hadrat Ilahi, kerana penulisan berkaitan Kajian Kemungkinan Penggunaan Kalender Hijri Dalam Industri Takaful di Malaysia ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia Dr. Sa’adan bin Man selaku guru yang banyak membantu dalam menyiapkan penulisan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Bonda tercinta (Sabah binti Mat Aris) dan Allahyarham Ayahanda sebagai sumber inspirasi dalam menyiapkan disertasi ini. Kepada isteri Nor Wahida Dzalihu’zzabir yang banyak membantu dan menyokong usaha yang dilakukan selama ini. Juga kepada anak-anak Muhammad ‘Akif Fitri, Amal Izzah dan Muhammad Irham Wafi yang banyak berkorban ditinggalkan bersama pengasuh tersayang (Cik Bibah).

Jutaan penghargaan juga ditujukan kepada Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Dr. Ridwan Ahmad dan warga pensyarah jabatan terutamanya Prof. Madya Dr. Abd Karim Ali, Prof Madya Dr Anisah, Dr Lukman, dan Dr. Azam.

Jutaan penghargaan juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan terutamanya Saiful Anwar (Mat Nawi), Taqi, Yusra, Anam, Muhamadin, Nawfal, Mat yang telah banyak membantu pengkaji, memberikan pandangan, buah fikiran, tenaga dalam menyiapkan penulisan disertasi ini.

Kepada semua responden kajian yang sudi di temu bual, membantu pengkaji mendapatkan data, mendapatkan maklumat termasuklah Prof. Dr. Susiknan, En Ab Latiff, En Zaifizar, En. Fauzi, Pn. Ailis, Pn Jasrina, Nik Mustapha (Pok Nik), En. Sawal dan orang perseorangan yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam menyiapkan hasil penulisan ini.

Akhir sekali, jasa yang dicurahkan hanyalah Allah yang layak membalaunya. Segala kelemahan dan ketidak sempurnaan penulisan ini, harap dapat dimaafkan.

Jazakumullahu khairan kathira. Amin.

Muhammad Ridzuan bin Hashim.

No.236 Jalan Bakawali B/11

Laman Bakawali

Kota Seriemas

71800 Nilai

Negeri Sembilan

H/P : 019-3839916

E-mel: readz_ikhlas@yahoo.com

17 hb November 2014 M

24 hb Muharam 1436 H